

Tatakelakuan Pembekal Otis
KESELAMATAN | ETIKA | KUALITI
setiap orang, setiap tempat, setiap hari

Di Otis, Keutamaan kami - Keselamatan, Etika dan Kualiti - menentukan cara pemikiran, pembuatan keputusan dan pengambilan tindakan kami.

Pembekal kami adalah penting untuk kejayaan kami. Bagi membekalkan produk dan perkhidmatan Otis yang tiada tandingan secara bertanggungjawab, kami memerlukan anda, pembekal kami dan semua orang yang bekerja dengan anda untuk berkongsi komitmen dalam memenuhi Keutamaan ini. Dalam banyak kes, kontrak anda dengan Otis mungkin memerlukan kepatuhan anda dalam keperluan yang lebih ketat atau khusus.

KESELAMATAN

Tiada perkara yang lebih penting daripada keselamatan – keselamatan kakitangan Otis, pembekal serta pelanggan kami dan orang awam yang menggunakan produk kami. Keselamatan merupakan kepentingan utama dalam semua perkara yang Otis lakukan dan kami menjangkakan komitmen yang sama terhadap keselamatan daripada pembekal kami. Kami menjangkakan bahawa pembekal kami akan:

- Memastikan persekitaran kerja yang selamat dan sihat untuk pekerja anda, termasuk waktu dan keadaan kerja yang munasabah serta jemputan perniagaan anda.
- Mematuhi atau menjangkaui semua peraturan persekitaran, kesihatan dan keselamatan yang berkenaan, termasuk peraturan yang berkenaan dengan bahan kimia, bahan cemar organik yang berterusan, sisa berbahaya, hingar dan pemeliharaan tanah, air dan udara. Latih pekerja dengan perkara yang sama.
- Menjalankan operasi hujung ke hujung anda dengan cara yang mesra alam: meminimumkan sisa, pelepasan, bahan dikawal selia dan penggunaan tenaga, air serta bahan mentah dalam proses penyumberan, pembuatan, pembungkusan dan pengangkutan anda. Jika anda perlu menggunakan bahan kimia atau bahan lain yang membahayakan alam sekitar, pastikan bahawa bahan tersebut dikendalikan, disimpan, diurus dan dilupuskan dengan cara yang selamat.
- Anda digalakkan untuk memantau, mendokumentasikan dan melaporkan pelepasan gas rumah hijau anda secara terbuka dan membangunkan pelan pengurangan yang berkaitan.
- Apabila anda mendiami atau menggunakan tanah, ingatlah prinsip pembangunan dan pengurusan mampan serta pemeliharaan alam sekitar, hormati hak mereka yang mempunyai tuntutan ke atas tanah, dan pertimbangkan impak anda kepada masyarakat.
- Menyediakan produk dan perkhidmatan dengan berpegang pada keselamatan sebagai prinsip panduan utama.
- Mematuhi dan memastikan pembekal penghantaran dan pembungkusan anda mematuhi semua keperluan program keselamatan Rangka Kerja Standard untuk Menjaga dan Memudahkan Perdagangan Global (SAFE) bagi negara destinasi. Misalnya, inisiatif Perkongsian Kastam-Perdagangan Menentang Keganasan (C-TPAT) oleh Jabatan Keselamatan Dalam Negeri Amerika Syarikat, Pengendali Ekonomi yang Diiktiraf (AEO) atau program serupa.

Tatakelakuan Pembekal Otis

KESELAMATAN | ETIKA | KUALITI

setiap orang, setiap tempat, setiap hari

Di Otis, kami berazam untuk memenuhi keperluan pengawalseliaan dan pelanggan berkenaan larangan dan sekatan bahan, termasuk bahan berbahaya dan mineral konflik. Oleh itu, anda mestilah memastikan bahawa semua produk dan perkhidmatan yang dibekalkan kepada Otis mematuhi peraturan yang berkenaan. Khususnya, anda akan:

- Membuat deklarasi kepada Otis mengenai bahan dikawalselia yang terkandung dalam barangan yang dibekalkan kepada kami.
- Melaksanakan proses dasar dan prosedur berkenaan mineral konflik dan menjalankan usaha wajar untuk menyiasat sumber mineral ini serta menyelesaikan mana-mana penemuan yang membimbangkan tepat pada masanya.
- Membalas permintaan Otis untuk bukti pematuhan anda dengan keperluan ini tepat pada masanya.

ETIKA

Jutaan orang mempercayai Otis kerana mereka tahu bahawa kami menjalankan perniagaan secara betul: beretika, sah dan telus. Kami menjangkakan pembekal kami untuk beroperasi dengan komitmen yang sama terhadap integriti. Di samping menghormati semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan, **anda mestilah:**

- ***Menghormati hak asasi dan kebebasan semua orang yang terlibat dalam operasi perniagaan anda, melayan semua orang secara adil dengan maruah dan rasa hormat serta mematuhi semua amalan buruh yang adil.*** Memberikan peluang yang sama rata kepada semua pekerja, kontraktor, pekerja sementara, rakan niaga, pencari kerja dan bakal rakan niaga tanpa diskriminasi dan bebas daripada kriteria pemilihan yang bersifat diskriminasi. Misalnya, tiada diskriminasi berdasarkan:
 - bangsa, etnik, warna kulit;
 - agama;
 - seks, orientasi seksual, stereotaip jantina, kehamilan (termasuk kehamilan, bersalin dan keadaan perubatan yang berkaitan dengan kehamilan, bersalin atau penyusuan), jantina, identiti jantina, ekspresi jantina, kerakyatan;
 - umur;
 - kecacatan mental atau fizikal, keadaan perubatan, maklumat genetik;
 - budaya, keturunan, kerakyatan, bahasa, status kewarganegaraan;
 - status sosioekonomi, perkahwinan, ketenteraan atau veteran;
 - mana-mana status terlindung yang lain.
- Menghormati hak pekerja untuk bebas bergaul dan berunding secara kolektif kerana hak tersebut wujud di bawah undang-undang yang berkenaan di negara tempat anda beroperasi.
- Mematuhi semua peraturan berkenaan yang melarang pemerdagangan manusia, buruh kanak-kanak dan buruh paksa yang berkaitan dengan pekerja dan kontraktor anda serta semua orang lain dalam rantai bekalan anda. Pastikan:
 - Semua kerja dilakukan secara sukarela.

Tatakelakuan Pembekal Otis

KESELAMATAN | ETIKA | KUALITI

setiap orang, setiap tempat, setiap hari

- Tiada buruh paksa dalam bentuk keganasan, ancaman atau sekatan yang menyalahi undang-undang terhadap kebebasan peribadi.
- Majikan dan ejen tidak dibenarkan memegang atau secara lainnya, memusnahkan, menyembunyikan atau merampas dokumen identiti atau imigresen, seperti dokumen pengenalan diri, passport atau permit kerja yang dikeluarkan oleh kerajaan melainkan dikehendaki oleh undang-undang. Dalam kes ini, pekerja tidak sepatutnya dinafikan akses kepada dokumen mereka pada bila-bila masa pun.
- Tiada pekerja yang ditekankan atau diwajibkan untuk melakukan tugas yang berpotensi membahayakan keselamatan peribadi mereka atau orang lain.
- Tiada buruh paksa atau keberadaan situasi yang melihatkan kanak-kanak diletakkan dalam perhambaan atau amalan serupa mahupun terlibat dalam kerja berbahaya.
- Menghormati Konvensyen PBB n° 138 mengenai Hak Kanak-kanak dan Konvensyen ILO n° 182 mengenai Bentuk Buruh Kanak-Kanak Terburuk. Nota: Konvensyen PBB n° 138 mentakrifkan kanak-kanak sebagai seorang yang berumur di bawah 18 tahun, tetapi undang-undang negara yang berkenaan sentiasa diutamakan.
- Tiada penggunaan bentuk buruh terlarang lain termasuk pemerdagangan orang, buruh terikat, perekrutan buruh atau perkhidmatan melalui penipuan, tipu helah, ancaman, atau dengan mengambil kesempatan daripada kesukaran atau kelemahan orang lain termasuk apa-apa yang boleh menyebabkan orang itu percaya bahawa keselamatannya atau keselamatan seseorang yang dikenalnya akan terancam jika dia gagal menyediakan atau menawarkan untuk menyediakan buruh atau perkhidmatan itu.
- Pekerja tidak sepatutnya dikehendaki membayar upah perekrutan kepada ejen majikan atau upah lain yang berkaitan untuk pengambilan kerja mereka.
- Menghormati hak pekerja untuk berehat dan bercuti.
- Memastikan barang dan perkhidmatan tidak dilombong, dihasilkan atau dikilangkan secara keseluruhan atau sebahagian menggunakan bentuk buruh yang dilarang.
- Memastikan bahawa pekerja dapat melaksanakan kerja mereka dalam persekitaran yang bebas daripada gangguan atau intimidasi secara fizikal, psikologi atau lisan, atau apa-apa bentuk kelakuan kasar yang lain. Tiada campur tangan yang tidak diperlukan oleh pasukan keselamatan.
- Membayar semua pekerja dengan gaji sara hidup dan manfaat yang memenuhi atau menjangkau gaji minimum yang berkenaan serta memberikan bayaran sama rata untuk kerja yang sama rata. Tiada penahanan gaji secara tidak perlu; apa-apa penahanan mestilah diizinkan dan dibenarkan di bawah undang-undang yang berkenaan.
- Memastikan bahawa waktu kerja adalah munasabah dan tidak melebihi waktu kerja maksimum yang ditetapkan oleh undang-undang.

Tatakelakuan Pembekal Otis
KESELAMATAN | ETIKA | KUALITI
setiap orang, setiap tempat, setiap hari

Menghormati peraturan antirasuah, persaingan adil dan antitrust

- Hanya bersaing atas dasar merit produk dan perkhidmatan anda.
- Tidak terlibat dalam kelakuan antipersaingan atau tidak adil, sama ada bagi pihak Otis, diri anda sendiri atau orang lain.
 - Tidak menipu dalam bidaan, menetapkan harga, berkongsi maklumat sensitif persaingan, memperuntukkan pelanggan atau pasaran.
 - Tidak terlibat dalam amalan pasaran tidak adil yang lain.
 - Tidak membuat pernyataan yang salah tentang produk atau perkhidmatan Otis, produk atau perkhidmatan anda, mahupun produk atau perkhidmatan orang lain.
- Mengelakkan pembayaran, perkhidmatan, hadiah, hiburan atau item lain untuk mewujudkan kelebihan yang bertujuan untuk mempengaruhi cara pekerja Otis atau sesiapa sahaja menjalankan tugas.
- Jangan berikan hadiah atau hiburan kepada pekerja Otis.
- Tidak membayar rasuah atau membuat pembayaran rasuah dalam apa-apa amaun kepada sesiapa sahaja, di mana-mana sahaja, atas apa-apa jua sebab sekalipun, sama ada bagi pihak Otis, pihak anda atau bagi pihak orang lain.
- Melayan semua pekerja dan rakan niaga secara adil dengan membuat keputusan yang telus berdasarkan merit dan faktor lain yang berkaitan dengan kepentingan perniagaan yang sah, serta tanpa mengambil kira bangsa, agama, warna kulit, umur, jantina, identiti atau ekspresi jantina, orientasi seksual, kerakyatan, status perkahwinan, status veteran atau kecacatan.
- Mengelakkan dan melaporkan semua konflik kepentingan dan apa-apa situasi yang boleh memberikan gambaran atau persepsi berkenaan percanggahan kepentingan dalam urusan anda dengan atau bagi pihak Otis.

Melindungi maklumat dan menghormati harta intelek (IP) serta hak lain

- Menghormati hak proprietari dan hak harta intelek (IP) yang sah bagi Otis dan lain-lain.
- Mengambil tindakan penjagaan yang sewajarnya untuk melindungi maklumat sensitif termasuk maklumat sulit, proprietari dan peribadi. Mengumpulkan maklumat ini hanya apabila berkeperluan dan dibenarkan secara sah.
- Melindungi semua maklumat yang kami berikan kepada anda dan maklumat yang anda jana atau bangunkan untuk menyokong program kami daripada akses, pemusnahan, penggunaan, pengubahsuaian atau pendedahan yang tidak dibenarkan.
- Tidak menggunakan maklumat material yang tidak didedahkan kepada awam yang diperoleh semasa hubungan perniagaan anda dengan Otis sebagai dasar untuk perdagangan atau membolehkan orang lain untuk berdagang dalam saham atau sekuriti Otis atau mana-mana syarikat lain.

Mengekalkan rekod tepat

- Merekodkan semua transaksi dan perbelanjaan yang berkaitan dengan Otis dalam buku dan rekod anda dengan cepat dan tepat.

Tatakelakuan Pembekal Otis
KESELAMATAN | ETIKA | KUALITI
setiap orang, setiap tempat, setiap hari

KUALITI

Semua perkara yang Otis lakukan perlu mencapai kualiti pada tahap yang tertinggi. Kami bergantung pada pembekal kami untuk mempunyai komitmen dan fokus yang sama terhadap kualiti. Anda mestilah:

- Mempunyai proses jaminan kualiti untuk mengesan, memaklumi Otis dan membetulkan kecacatan tepat pada masanya untuk memastikan penyampaian produk dan perkhidmatan yang memenuhi semua keperluan kontrak, undang-undang dan kawal selia.
- Melengkapkan semua keperluan pemeriksaan dan pengujian yang dijalankan oleh individu diberi kuasa dan berkeelayakan dengan betul.
- Melengkapkan sijil yang diperlukan dengan tepat.
- Bekerjasama dengan permintaan munasabah kami untuk maklumat dan sokongan apabila kami menyiasat isu kualiti berpotensi atau disahkan yang berkaitan dengan produk atau perkhidmatan anda.

MENGENDALIKAN SALAH LAKU

Jika anda mengesyaki atau mendapati salah laku yang berkaitan dengan perniagaan Otis, anda mesti memaklumkan kepada Otis dengan segera. Cara termudah adalah dengan menghantar e-mel ke Etika & Pematuhan Global Otis di ethics@otis.com. Untuk mendapatkan maklumat mengenai saluran pelaporan lain, termasuk pelaporan tanpa nama, sila lawati www.otis.com/reportingchannels.

Anda perlu membantu penemuan, penyiasatan dan pelaporan tepat pada masanya tentang salah laku sebenar atau yang disyaki dan melaksanakan tindakan pembetulan yang sesuai.

Kami juga perlu anda untuk menawarkan saluran pelaporan yang memadai kepada pekerja dan rakan kongsi perniagaan anda, termasuk kaedah pelaporan tanpa nama dan budaya sokongan bersuara yang membenarkan perihal undang-undang atau etika untuk disuarakan **tanpa ketakutan akan tindakan balas**. Anda tidak boleh mengambil mana-mana tindakan buruk terhadap sesiapa sahaja yang melaporkan tingkah laku yang mereka percaya secara munasabah sebagai menyalahi undang-undang atau melanggar Tatakelakuan ini atau melanggar [Keutamaan Otis](#).

BERKOMUNIKASI DAN MEMASTIKAN PEMATUHAN KEPADA KEPERLUAN

Kami mengkehendaki anda untuk mempromosikan komitmen terhadap amalan perniagaan beretika dan komitmen kepada jangkaan Tatakelakuan ini. Komitmen ini termasuk:

- Memberik pekerja anda latihan tentang keperluan pematuhan dan jangkaan dalam Tatakelakuan ini.
- Menjalankan usaha wajar yang munasabah untuk memastikan pematuhan.
- Memastikan pelaporan tepat pada masanya bagi kedua-dua pelanggaran sebenar dan yang disyaki.

Tatakelakuan Pembekal Otis
KESELAMATAN | ETIKA | KUALITI
setiap orang, setiap tempat, setiap hari

Anda akan membenarkan Otis dan wakilnya untuk menilai pematuhan anda dengan jangkaan dalam Tatakelakuan ini. Penilaian ini termasuklah pemeriksaan di tapak kemudahan dan semakan buku, rekod dan dokumen lain yang berkaitan. Atas permintaan, anda mesti memberikan maklumat tambahan dan pensijilan yang membuktikan pematuhan kepada Otis.

Jika kontrak anda dengan Otis membenarkan anda untuk menugaskan, mewakili atau mensubkontrakkan kewajipan anda atau untuk mendapatkan produk atau perkhidmatan daripada orang lain yang akan diperbadankan dalam produk atau perkhidmatan yang diperolehi oleh Otis, anda mesti menyampaikan prinsip dalam Tatakelakuan ini kepada rakan kongsi perniagaan yang terlibat. Kami akan menganggap anda bertanggungjawab untuk memastikan pematuhan rakan kongsi perniagaan anda dan anda mesti memastikan bahawa Otis juga mempunyai hak untuk menilai pematuhan rakan kongsi perniagaan anda dengan jangkaan dalam Tatakelakuan ini dalam melaksanakan kerja bagi Otis termasuk hak kami untuk pemeriksaan di tapak kemudahan serta semakan buku, rekod dan dokumentasi lain yang berkaitan.

Dalam hal berkaitan kesalahan, anda akan bekerjasama dengan Otis untuk sebuah penyiasatan penuh dan adil. Anda akan memastikan bahawa rakan kongsi perniagaan anda juga memberikan kerjasama sepenuhnya jika penyiasatan tersebut melibatkan pelaksanaan mereka. Anda dan rakan kongsi perniagaan anda mesti membetulkan apa-apa ketidakpatuhan yang dikenal pasti semasa penilaian.

Tatakelakuan ini terpakai untuk semua pihak yang memberikan bahan, produk atau perkhidmatan kepada Otis, termasuk tetapi tidak terhad kepada pembekal, pengedar, pemegang lesen dan subkontraktor langsung dan tidak langsung. Penerimaan anda untuk pesanan pembelian dan/atau pembekalan barangan atau perkhidmatan anda menjadi penerimaan anda terhadap terma yang dinyatakan dalam Tatakelakuan ini.

Otis tidak memikul mana-mana kewajipan untuk memantau atau memastikan pematuhan dengan Tatakelakuan ini, dan anda bersetuju bahawa anda bertanggungjawab sepenuhnya bagi pematuhan penuh oleh pengarah, pegawai, pekerja, wakil dan rakan kongsi perniagaan anda. Walaupun Otis cuba untuk bekerjasama dengan pembekal kami secara rutin untuk meningkatkan pematuhan terhadap prinsip yang dinyatakan di sini, kami boleh membuat keputusan untuk menamatkan hubungan kami dengan mana-mana pembekal yang gagal memenuhi jangkaan kami di bawah Tatakelakuan ini pada bila-bila masa.

PERSOALAN?

Untuk persoalan atau kebimbangan mengenai Tatakelakuan ini, anda boleh menghubungi wakil Rantaian Bekalan Otis anda atau Etika & Pematuhan Global Otis di ethics@otis.com.